

9 JAN 1996

Kapal

KEHADIRAN KAPAL-KAPAL BESAR, SATU PENGIKTIRAFAN KEPADA MALAYSIA

PELABUHAN KLANG, 9 Jan (Bernama) -- Kehadiran banyak kapal besar di Pelabuhan Klang memaparkan pengiktirafan yang diberikan oleh sekumpulan kapal pengangkutan laut terkemuka dari Amerika Syarikat, Asia dan Eropah kepada perdagangan kelas dunia Malaysia yang memegang prospek cemerlang untuk pertumbuhan masa depan.

Pengerusi American President Companies Ltd George Hayashi, yang membuat pemerhatian itu berkata pasaran Malaysia memberi khidmat kepada kapal-kapal kecil yang membawa barangan eksport dan import Malaysia dari atau ke pelabuhan-pelabuhan lain yang kemudian memungghannya ke kapal-kapal besar.

Beliau berkata, bagaimanapun kerana ekonomi Malaysia yang berkembang, American President Lines (APL) dan rakan kongsinya di Global Alliance membuat keputusan bahawa telah tiba masanya untuk menyusun semula perjalanan kapal kontena terbesar dan terpantasnya untuk pergi terus ke Pelabuhan Klang.

Beliau berucap pada majlis ketibaan pertama kapal "APL China", satu daripada kapal terbesar APL di Pelabuhan Klang hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan ketibaan pertama kapal kontena seberat 4,832 TEU itu dengan menekan butang untuk memulakan pemungghan kapal kontena yang akan belayar ke Amerika Syarikat.

Hayashi berkata persinggahan kapal "APL China" di Pelabuhan Klang juga merupakan penghormatan kepada pembangunan infrastruktur Malaysia.

Pelabuhan Klang boleh memuatkan kapal itu dan lima kapal kecilnya kelas C11 serta kapal-kapal besar anggota rakan kongsi APL.

Beliau berkata penghargaan hendaklah diberikan kepada Kementerian Pengangkutan, Pihak Berkuasa Pelabuhan Klang dan Terminal Kontena Klang (KCT) kerana mewujudkan satu persekitaran positif untuk operasi itu.

Sebagai hasil daripada perkhidmatan terus itu, masa persinggahan antara Malaysia dan Amerika Syarikat akan dapat dikurangkan kepada 17 hari tanpa perlu melalui pemindahan ke kapal, katanya.

Ketibaan kapal-kapal di Pelabuhan Klang pada Isnin dan berlepas pada Selasa bermakna pengeksport Malaysia boleh menghantar pengeluaran untuk seminggu penuh dan pengimport boleh mengedarkan barangan mereka di tempat pasaran pada waktu tertinggi setiap minggu. -- BERNAMA